

## SIARAN MEDIA

### **TRANSFORMASI 2.0 MEMBUKA PELUANG FELCRA MENEROKA PERNIAGAAN BARU**

Kuala Lumpur, Dipertanggungjawab untuk memajukan kawasan luar bandar, FELCRA Berhad membina peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi demi menjana pendapatan, melalui pewujudan sektor luar bandar yang dinamik, menarik dan menguntungkan.

#### **TRANSFORMASI FELCRA**

Kini Pengurusan FELCRA sedang di dalam fasa melaksanakan Transformasi 2.0 setelah kejayaan mereka mencapai objektif yang ditetapkan di dalam Transformasi 1.0.

Transformasi 1.0 yang telah memperkukuhkan penstrukturan semula organisasi dan penjawatan pengurusan kewangan FELCRA Berhad agar lebih selari dengan keperluan dan perkembangan semasa.

Transformasi 2.0 adalah penggembelangan aktiviti komersial ke arah pengembangan bisnes dan budaya kerja berwibawa dengan mengangkat empat inisiatif yang selari dengan moving forward FELCRA Berhad

Inisiatif-inisiatif tersebut adalah:

1. Inisiatif Sosial
  - a. ESG (Environment, Social, Governance) & SDG (Sustainable Development Goals): - MSPO 2.0;
  - b. Kepuasan dan Jaminan Hidup Peserta, Model baharu
2. Inisiatif Komersial – Teras
  - a. Pengembangan estet komersial seluas 30,000 Ha dalam masa 5 tahun
  - b. Peningkatan hasil sawit kepada >17mt/hektar
  - c. Benih Padi & Benih Sawit
  - d. Pengukuhan bisnes komersial anak Syarikat
  - e. Monetising aset-aset FB – Pembangunan semula Langkawi, Tebing Tinggi, Seberang Perak dan Grik (Ara Jerai); Perlombongan; Inisiatif Hijau
  - f. Rancangan Industri Hiliran i.e. Kilang Penapisan Minyak Sawit; OleoChemical
3. Inisiatif Komersial – Sekuriti Makanan
  - a. Bisnes Baru – Ternakan Ayam Daging; Kelapa, Cili & Halia
  - b. Produk jenama FELCRA -Minyak masak; Beras, Santan sawit,
4. Inisiatif Modal Insan – Ketersediaan Kumpulan di masa hadapan

- a. Pembangunan Sumber Manusia (Peningkatan Kemahiran, Berorientasikan Prestasi, KPI bersepadu)
- b. Data & Digitalisasi, Kesiapan sistem masa

Lonjakan kejayaan agenda transformasi FELCRA Berhad akan disokong sepenuhnya oleh kerajaan melalui suntikan dana pembangunan *rolling plan* 3 (RP3 RMK12) yang telah diluluskan dalam Bajet Mini 2023 sebanyak RM71,143,00 dalam bentuk geran dengan 19 program demi kesejahteraan peserta FELCRA.

Selain itu, KKDW juga perihatin terhadap program jangka pendek (*quick win*) bagi membantu mengurangi serta mengimbangi tanggungan kos sara hidup peserta dan masyarakat. FELCRA Berhad telah mengutarakan permohonan sebanyak 17 program *quick win* demi manfaat warga peserta.

## **MENGENAI KAMI**

**FELCRA Berhad** merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (*social enterprise powerhouse*) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara. Pada masa kini, Felcra Berhad telah menguruskan 202,867.42 hektar tanah melibatkan 107,130 peserta projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) dengan jumlah 1,356 Projek Felcra di seluruh negara.

Dikeluarkan Oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
FELCRA Berhad  
Tel: 03-4145 5440

